

BULETIN

KENYALANG VET



SASARAN
NET EXPORTER OF
FOOD BY 2030

DVS SARAWAK masih
utuh memerangi
wabak rabies

LANGKAH MENCEGAH!
PENULARAN AFRICAN SWINE FEVER



**JABATAN
PERKHIDMATAN
VETERINAR SARAWAK
2022**

Hak cipta terpelihara. Tidak ada bahagian dari buku ini yang dapat diterbitkan semula atau digunakan dalam bentuk apa pun dengan cara apa sekalipun, elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau oleh sistem penyimpanan dan pengambilan maklumat, tanpa izin secara bertulis dari penerbit.

2022 | HAK CIPTA JPVS.

KANDUNGAN

FAHAMI PENYAKIT AFRICAN SWINE
FEVER (ASF) **01**

APAKAH ITU FOOT AND MOUTH
DISEASE (FMD) **07**

KENALI PENYAKIT
RABIES **09**

SAMA-SAMA KITA PELAJARI
PERMANIAN BERADAS (AI) **11**

KETAHUI APA ITU
PENYAKIT KULIT KENTAL (LSD) **13**

INFO BERKAITAN DENGAN
PENYAKIT SAMPAR AYAM (ND) **15**

PERLAKSANAAN PROJEK &
PROGRAM JPVS | DVSS **16**

PENGUSAHA DAN
PENTERNAK JAYA **29**

PRODUK - PRODUK
TEMPATAN SARAWAK **37**

KERATAN AKHBAR JPVS | DVSS
2022 **39**

SIDANG EDITORIAL **43**

PESANAN

PENGARAH

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK

DR. ADRIAN SUSIN AMBUD

VISI

Industri Penternakan
Maju Menjelang 2030.

*An Advanced Livestock
Industry By 2030.*

MISI

Mengubah Industri
Ternakan Kearah Industri
Yang Berdaya Saing
Dan Mampan.

*Transforming The
Livestock Industry Into A
Competitive And
Sustainable Industry.*



Syabas dan tahniah diucapkan kepada sidang editorial Buku **BULETIN KENYALANG VET** Edisi 2022 kerana telah berjaya menerbitkannya. Berpaksikan aspirasi kerajaan untuk mencapai *Net Exporter of Food by 2030*, banyak projek dan aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun. Usaha akan diteruskan untuk meningkatkan keupayaan jabatan dan usahawan bagi membangunkan industri ternakan untuk meningkatkan tahap sara-diri (SSL) hasilan ternakan terutamanya ruminan dari **12% kepada 25 %** pada tahun 2030 dan seterusnya 50% menjelang tahun 2050. Sarawak perlu mempunyai populasi 60,000 ekor lembu dan 20,000 ekor kerbau untuk mencapai sasaran tersebut pada tahun 2030.

Aktiviti pembenterasan rabies akan berterusan untuk mencapai sasaran **bebas rabies menjelang 2025**. Manakala penyakit *African Swine Fever (ASF)* perlu dihapuskan dari Sarawak demi industri ternakan yang mampan. Usaha akan dipertingkatkan lagi bagi aktiviti pemantauan, persampelan dan kesedaran penternak agar Sarawak terus kekal bebas *penyakit Foot and Mouth Disease (FMD)*.

Usaha dan aktiviti jabatan ini akan menjurus kepada peningkatan nilai pengeluaran industri ternakan kepada **RM4.0 billion** menjelang tahun 2030. Oleh yang demikian, saya menyeru agar WARGA VETERINAR akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik demi pembangunan ternakan Sarawak. Para penternak pula perlu menggunakan teknologi terkini dalam pengurusan ternakan seperti IoT, *Modern Pig farm (MPF)*, *precision livestock farming* serta meningkatkan biosekuriti ladang demi kesihatan ternakan dan pencegahan penyakit .

Sekian, terima kasih.



(Dr. Adrian Susin Ambud)
Pengarah JPV Sarawak

FAHAMI PENYAKIT ASF

AFRICAN SWINE FEVER (ASF) (PENYAKIT DEMAM BABI AFRIKA)

APAKAH ASF?

Penyakit *African Swine Fever* (ASF) adalah penyakit tular daripada babi dan babi hutan yang boleh dianggap berbahaya kerana tiada vaksin dan penawar. ASF tidak menjangkiti manusia tetapi boleh membawa kerugian besar kepada penternak - penternak babi dan sosio - ekonomi negara.

ASF tidak merbahaya kepada manusia tetapi dapat membunuh babi domestik dan babi liar. Virus ASF mempunyai rintangan kuat di kawasan persekitaran dan boleh mencemar bahan berasaskan babi. Kecuaian boleh menyebabkan virus ASF ini mencemarkan rantaian makanan babi seperti pemberian sisa makanan manusia kepada ternakan.



PENCEGAHAN ASF

Biosekuriti ladang adalah kunci utama pencegahan. Hidarkan diri dari melawat ladang terjangkit, sentiasa jaga kebersihan serta langkah seperti berikut :

i) Pastikan pagar dikunci, pagar perimeter yang kukuh dan stor simpanan makanan atau minuman selamat daripada dicerobohi babi hutan.

ii) Kawalan ketat pergerakan kenderaan dan *vehicle dip*, pekerja, dan pelawat keluar dan masuk ladang.

iii) Kawal selia kemasukan babi dengan melaksanakan kuarantin haiwan.

iv) Dilarang memberi sisa makanan yang tidak dimasak kepada ternakan.

LANGKAH BERJAGA-JAGA

- i) Laporkan sebarang kes yang mencurigakan (hidup atau mati) kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS).
- ii) Pastikan semua pekerja dan pelawat mengikut langkah-langkah biosekuriti yang telah ditetapkan.
- iii) Hidarkan persentuhan secara langsung di antara babi ternakan dan babi hutan. Asingkan dan kuarantin babi yang baru masuk ke kawasan ladang.
- iv) Jangan beri sisa makanan dapur yang mengandungi daging babi kepada ternakan babi dan perlu dimasak selama 30 minit untuk membunuh kuman ASF

PEMBERSIHAN DAN BASMIKUMAN



Semua perkakasan (kenderaan, peralatan) keluar masuk meninggalkan ladang mesti dibersihkan secara menyeluruh dengan menghilangkan kotoran menggunakan larutan pembasmi kuman untuk menyahaktifkan virus tersebut.

Berikut merupakan amalan yang harus dilakukan untuk pembersihan dan basmi kuman :

- i. Mandi dan cuci tangan sebelum dan selepas melawat ladang ternakan.
- ii. Gunakan pakaian dan kasut yang disediakan khas di ladang ternakan.
- iii. Pastikan kenderaan dan kasut dibersihkan dari kotoran dan menggunakan larutan pembasmi kuman.
- iv. Bersihkan dan basmi kuman kandang ternakan selepas setiap pusingan.



SIMPTON KLINIKAL ASF

PROGRAM KESEDARAN DAN OPERASI KAWALAN PENULARAN WABAK AFRICAN SWINE FEVER (ASF)

Wabak *African Swine Fever* (ASF) telah mula merebak di Daerah Lawas, Bahagian Limbang sekitar Julai 2021 ekoran daripada aktiviti pemburuan babi hutan di sempadan Sarawak – Kalimantan. Kes ASF di Sabah dan di wilayah Nunukan serta Krayan di Kalimantan Utara dipercayai punca penularan wabak tersebut ke Sarawak dimana ianya menyebabkan beberapa Bahagian di Sarawak telah diisytiharkan sebagai Kawasan Kawalan Demam Babi Afrika (ASF) bermula dari Limbang dan Miri pada Julai 2021 hingga ke Kuching pada Jun 2022.



Perintah ini dilaksanakan di bawah Seksyen 35 (1) (b) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999. Sehingga ke hari ini, kes ASF telah dilaporkan berlaku di beberapa Bahagian di Sarawak iaitu dari *backyard farm* di kampung dan juga ladang komersial. Aktiviti memburu babi hutan dan biosekuriti yang tidak ketat adalah punca utama berlakunya jangkitan. Status bebas ASF ini telah membolehkan Sarawak untuk mengeksport babi dan produk babi ke luar Sarawak selaku pengeksport babi di Asia Tenggara yang selanjutnya menyumbang kepada perkembangan ekonomi negeri.

Tanpa status bebas ASF ini, Sarawak telah mengatur langkah dan menyediakan pemulihan seperti *Compartmentalization* bagi membolehkan Sarawak untuk terus mengeksport babi atau produk babi ke luar dan mengekalkan ekonomi aktiviti import eksport di Sarawak dengan kawalan biosekuriti yang ketat dan mantap. Oleh itu, kempen kesedaran perlu diadakan secara meluas untuk mendidik para penternak. Seksyen 36 VPHO 1999 telah digunapakai bagi mengekang penularan wabak ASF dari satu Bahagian ke Bahagian yang lain dimana *livestock movement control* telah dikuatkuasakan dan permit perjalanan perlu diperolehi dari Pihak Veterinar.

PROGRAM KESEDARAN DAN OPERASI KAWALAN PENULARAN WABAK AFRICAN SWINE FEVER (ASF)



PEMGAMBILAN SAMPEL RAWAK DARIPADA BABI YANG SIHAT
DAN AKTIVITI PEMANTAUAN KE LADANG-LADANG BABI





Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak

Today at 19:33 · 🌐

Program Dan Kempen Kesedaran ASF

[See translation](#)



👍 Like

💬 Comment

➦ Share

👍❤️😮 1.035



Write something...





Jabatan Perhidmatan Veterinar Sarawak

Today at 19:33 · 🌐

Pemantauan Dan Pemeriksaan Kandang-Kandang Babi Untuk Mengekang Penularan Wabak Penyakit ASF

[See translation](#)



👍 Like

💬 Comment


➦ Share

👍❤️😱 1.035



Write something...





FOOT AND MOUTH DISEASE (FMD) (PENYAKIT KUKU DAN MULUT)

CARA-CARA JANGKITAN PENYAKIT FMD

Penyakit FMD disebabkan oleh Aphthovirus yang mudah merebak dan menjangkiti haiwan kuku berbelah (cloven-hooved) seperti lembu, kerbau, kambing, bebiri, rusa dan babi. Jangkitan FMD terhadap haiwan ternakan memberi impak yang sangat besar khususnya kepada penternak-penternak haiwan dan mengakibatkan kerugian ekonomi yang serius. Pada tahun 2004, Sarawak diisytiharkan sebagai ZON BEBAS PENYAKIT FMD TANPA VAKSINASI oleh WOA. H.


JENIS TERNAKAN YANG BOLEH DIJANGKITI

- LEMBU
- BABI
- RUSA
- BEBIRI
- KERBAU
- KAMBING

CARA-CARA JANGKITAN

Air liur, air kencing, najis, susu dan darah daripada haiwan yang terjangkit. Bawaan virus oleh manusia, kenderaan, pakaian, kasut dan bawaan angin serta aerosol.

TANDA-TANDA DAN DIAGNOSIS PENYAKIT RMD



- Suhu badan meningkat.
- Air liur meleleh, lepuh atau ulser pada permukaan lidah, gusi, bibir, mulut dan puting susu.
- Lepuh, ulser dan luka dicelah kuku.
- Tempang.
- Hilang selera makan.
- Berat badan akan menurun.
- Pengeluaran susu berkurangan.
- Kematian anak baru lahir.

Kes FMD merupakan jangkitan virus terhadap haiwan ternakan dengan tempoh inkubasi selama 14 hari. Ujian pengesanan di makmal dengan pengambilan serum dan pengambilan sampel cecair dalam vesikel, lapisan mukosa bibir, lidah serta gusi.

ORDINAN KESIHATAN AWAM VETERINAR 1999

Kegagalan penternak melaporkan sebarang kes jangkitan penyakit FMD kepada State Veterinary Authority (SVA) boleh disabitkan dan akan dikenakan denda tidak melebihi RM 500.

Penternak yang tidak mengurung atau mengasingkan haiwan yang disyaki terkena jangkitan FMD boleh didenda tidak melebihi RM 1000.

Sekiranya penternak tidak memberikan kerjasama kepada State Veterinary Authority (SVA) dalam menyiasat dan mengambil sampel haiwan, beliau boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500.

LANGKAH-LANGKAH KAWALAN

Laporkan dengan segera kepada Pejabat Veterinar yang terdekat sekiranya haiwan ternakan anda disyaki terkena jangkitan FMD.

Dilarang masuk ke kawasan ladang ternakan dalam tempoh satu minggu selepas melawat ladang ternakan dari Semenanjung Malaysia atau negara - negara yang disahkan mempunyai FMD.

Penternak dari Semenanjung Malaysia atau luar negara dilarang membawa masuk barang - barang ladang seperti baju atau kasut yang disyaki telah tercemar.

Membawa masuk daging atau susu segar dari Semenanjung Malaysia dan luar negara adalah dilarang sama sekali.

Haiwan ternakan yang baru dibeli hendaklah dikuarantin dalam tempoh sekurang - kurangnya satu minggu.

Pastikan sumber makanan dan input ternakan yang dibeli adalah daripada sumber yang telah disahkan bebas FMD.

Larangan masuk ternakan dari Indonesia dan Semenanjung kerana tidak bebas FMD.

Kawalan biosekuriti di dalam kawasan ladang dan persekitarannya haruslah diperketatkan dalam mengawal pergerakan keluar masuk pekerja dan pelawat ladang. *Vehicle dip* dan *foot dip* perlu disediakan dengan larutan pembasmi kuman.

Haiwan ternakan yang disyaki menghidap sebarang jenis jangkitan penyakit hendaklah diasingkan dan ditandakan untuk tujuan surveilan dan pemantauan penyakit FMD.

KENALI PENYAKIT: RABIES

Mengadakan kempen kesedaran secara berterusan untuk mendidik orang awam berkenaan dengan penyakit rabies dan kepentingan vaksin kepada anjing peliharaan. Kewajipan pemvaksinan anjing, pelesenan anjing dan pengawalan anjing liar boleh membendung penyebaran wabak rabies di Sarawak. Sekurang-kurangnya 70% populasi anjing perlu disuntik untuk *mengekalakan herd immunity* bagi memutuskan rangkaian perebakan virus rabies dikalangan anjing. Mengawal pembiakan anjing dan kucing liar di Sarawak.

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN

Manusia yang kena gigit haiwan harus mencuci luka dengan air bersih dan sabun selama 15 minit dan wajib mendapat rawatan di Hospital dengan segera.



ETIOLOGI

Keluarga : *Rhabdoviridae* ;
Genera : *Lyssavirus*
• Virus RNA terkepung tunggal, berbentuk peluru, replikasi dalam sitoplasma, stabil secara sederhana dalam persekitaran

PENULARAN

- Virus dalam air liur
- Gigitan dan cakaran
- Pemindahan kornea atau organ manusia

EPIDEMIOLOGI

Penyakit Rabies dilaporkan di seluruh dunia kecuali :

- Taiwan, Australia, New Zealand, Iceland, United Kingdom, Fiji, Hawaiian, Guam.
- Sebahagian besar negara Eropah Barat.

HAIWAN PEMBAWA/PERUMAH

1. Semua haiwan berdarah panas.
2. Haiwan pembawa utama : anjing, haiwan karnivor liar, kelawar.
3. Sangat terdedah : lembu, anjing, kelawar, luwak.
4. Mudah terdedah : kucing, primat, bebiri, kuda.
5. Kurang terdedah : sebilangan kecil spesies burung (percubaan, subklinikal).



KENALI PENYAKIT: RABIES

TANDA-TANDA KLINIKAL

1. Direct Fluorescent Antibody Test (DFA) :
 - Impression smears dari tisu otak
2. Pengenalpastian genetik
 - RT-PCR : cecair tulang belakang, air liur, tisu otak
3. Inokulasi tikus
4. Kultur sel
5. ELISA

DIAGNOSA

1. Tempoh inkubasi terhadap manusia :
 - 6 bulan (90%) selepas terdedah.
 - Tempoh 6 tahun juga dilaporkan.
2. Tempoh inkubasi dalam kucing dan anjing :
 - 1 minggu sehingga 6 bulan tetapi lazimnya penyakit akan berkembang 1 atau 2 bulan setelah terdedah.
3. Semakin hampir jarak gigitan dengan kepala, maka semakin pendek tempoh inkubasi.
4. 3 fasa :
 - ☐ Prodromal
 - 2 hingga 3 hari
 - Demam
 - Menjilat dan menggigit kawasan gigitan
 - Perubahan tingkah laku
 - Letih, gelisah
 - Muntah
 - Lebih jinak dan manja
 - Pupil mata melebar
 - Tindak balas pupil menurun
 - ☐ Excitatory / Furious
 - Berlangsung selama 1 hingga 7 hari
 - Mudah marah
 - Cemas
 - Hiperestesia
 - Hipersalivasi
 - Penyuaran
 - Merayau – rayau
 - Agresif
 - Pica
 - Ataxia, sawan, tanda vestibular, gegaran otot
 - ☐ Paralytic / Dumb
 - 1 hingga 10 hari setelah tanda klinikal pertama
 - Kelumpuhan lembab
 - ✓ Lumpuh laring (perubahan suara)
 - ✓ Lumpuh faring (hipersalivasi)
 - ✓ Lumpuh otot muka (rahang jatuh)
 - Koma dan mati akibat kegagalan jantung dan kegagalan sistem pernafasan



PERMANIAN BERADAS (ARTIFICIAL INSEMINATION) - AI

PENGENALAN

Teknik memasukkan sperma ke dalam rahim atau serviks haiwan seperti lembu, kuda atau babi betina dengan tujuan mencapai kehamilan melalui persenyawaan dengan cara lain selain daripada hubungan seksual semula jadi haiwan. Semasa ovulasi, ovari menghasilkan telur selama 40 jam selepas bermulanya oestrus. Oleh itu, untuk haiwan seperti babi induk matang contohnya, mereka akan diinseminasikan dalam tempoh 24 jam apabila pengesanan haba biang pertama dikesan, manakala untuk babi betina muda (*gilt*), proses AI ini akan dilakukan dalam masa 16 jam selepas pengesanan haba biang yang pertama.

PROSEDUR - PROSEDUR



1. Mandikan induk babi dengan air, bersihkan vulva dengan air suling untuk mengurangkan risiko jangkitan dalam uterus dan sebagai rangsangan seksual.
2. Babi jantan dibenarkan berada berdekatan dengan induk babi, seterusnya tekanan diberikan di bahagian belakang induk menggunakan *AI Buddy* untuk mendorong posisi mengawan. Posisi mengawan juga boleh dirangsang dengan urutan vulva dan puting.
3. Bersihkan hujung kateter sebelum dimasukkan ke dalam ruang faraj haiwan. Elakkan hujung kateter daripada menyentuh labia dan masukkan kateter secara perlahan sehingga rintangan dirasakan di permukaan serviks.
4. Putarkan lingkaran kateter mengikut arah lawan jam dan tolak untuk mengunci kateter kepada serviks. Bentuk serviks membantu untuk melancarkan pergerakan masuk kateter.
5. Masukkan tiub semen ke dalam kateter.
6. Panaskan semen kepada suhu yang sesuai 30 minit sebelum digunakan.
7. Naikkan tiub semen ke atas paras badan induk babi dan picit untuk melepaskan kunci udara dalam kateter. Dengan prinsip graviti, semen akan mengalir masuk dengan bantuan pergerakan pengecutan otot oleh induk babi. Rangsangan seksual masih diteruskan untuk mengekalkan pengecutan otot.

KELEBIHAN TEKNIK AI

1. Meningkatkan kadar implantasi.
2. Meningkatkan kadar produksi.
3. Mengurangkan risiko kecederaan babi jantan.
4. Inisiatif untuk menghapuskan sekatan geografi.
5. Mengurangkan penyebaran penyakit.
6. Meningkatkan kualiti stok tempatan.



KEKURANGAN TEKNIK AI

1. Mengurangkan kumpulan genetik.
2. Memerlukan kemahiran teknikal.
3. Wujudnya risiko terhadap pengendali atau pengumpul semen.
4. Risiko jangkitan sekiranya pemeriksaan rapi tidak dilaksanakan selepas AI.



PENYAKIT KULIT KENTAL

LUMPY SKIN DISEASE

(LSD)



APAKAH ITU LSD?

- Penyakit LSD atau dikenali sebagai penyakit kulit kental adalah penyakit yang disebabkan oleh Virus *Poxviridae* yang menjangkiti ternakan lembu/kerbau.
- Tempoh inkubasi LSD adalah 28 hari tetapi lembu yang dijangkiti dapat menunjukkan tanda-tanda klinikal seawal 6-9 hari.
- Ini sangat mempengaruhi kesihatan dan kesejahteraan haiwan dan boleh mengakibatkan kerugian ekonomi yang teruk di ladang yang terjejas.
- LSD baru-baru ini merebak di rantau Asia, ini akan menimbulkan ancaman kepada negara kita.

BAGAIMANA HAIWAN DIJANGKITI?

- Pembawa seperti vektor arthropoda (serangga) yang bergantung dengan pemakanan utama seperti darah iaitu nyamuk, lalat dan kutu.
- Dengan membawa masuk lembu yang dijangkiti dari kawasan yang terjejas ke dalam ladang.

BAGAIMANA ANDA MENGESYAKI LSD?

TANDA-TANDA AWAL:

- i. Urat pada mata dan hidung - biasanya diperhatikan terlebih dahulu.
- ii. Penurunan hasil susu pada lembu yang menyusui.
- iii. Demam tinggi yang boleh melebihi 41 ° C atau 106 ° F.
- iv. Kelenjar-kelenjar pada bahagian tubuh haiwan sudah mula membengkak dan benjolan mula membesar (mudah diraba).



APAKAH YANG ANDA PELU LAKUKAN?

Hubungi Pejabat Perkhidmatan Veterinar yang berhampiran dengan anda.

- Mencegah penyebaran penyakit selanjutnya dengan meminta pemilik / penjaga haiwan untuk:
 - i. Asingkan haiwan yang disyaki daripada kawanan yang lain.
 - ii. Asingkan haiwan terjejas dari kawanan kumpulan dan elakkan meragut secara berkumpulan.
 - iii. Hentikan pergerakan lembu dari / ke ladang.
 - iv. Hadkan pengunjung masuk ke ladang kecuali perkhidmatan penting.
- Lakukan pemeriksaan klinikal pada haiwan yang lain, untuk mengenal pasti penyakit pada peringkat awal.
- Memberikan rawatan sokongan kepada haiwan yang disyaki dijangkiti LSD untuk mengurangkan demam, mengekalkan hidrasi dan mencegah jangkitan bakteria sekunder.
- Vaksin wujud untuk melindungi lembu. Hubungi Perkhidmatan Veterinar untuk maklumat lebih lanjut mengenai vaksin. **R**

MULA WUJUD LUKA PADA BENJOLAN KULIT

YANG SANGAT JELAS DENGAN DIAMETER 2-5 CM:

- i. Nodul atau benjolan terbentuk di bahagian kepala, leher, anggota badan, pundi kencing, dan bahagian kemaluan ketara dalam tempoh 48 jam terkena jangkitan.
- ii. Luka pada kulit dapat dikenalpasti sama ada luka ringan ataupun luka yang meliputi seluruh tubuh badan haiwan yang terjejas.

PENYAKIT SAMPAR AYAM


NEWCASTLE DISEASE (ND)



ND atau Sampar Ayam juga dikenali sebagai Berak Kapur, Tetelo, Penyakit *Renikhet*, *Doyle*, *Fowl Pest* atau *Pseudo Fowl Plague*.

ND merupakan penyakit endemik di Malaysia dan ND verulan mengakibatkan kadar kematian yang tinggi dalam industri unggas komersil yang telah menyebabkan kerugian yang besar dari segi ekonomi.

Virus *Paramyxovirus*, termasuk virus ss-RNA yang berukuran 150-250 milimikron, dengan bentuk bervariasi tetapi umumnya berbentuk spherik.



Menunjukkan tanda klinikal sistem saraf utama seperti leher senget, berjalan dalam pusingan dan kepala bergetar.

Mengalami masalah pernafasan seperti sesak bernafas, batuk, bersin, tercungap-cungap, rembesan hidung (hingus).

≥ 3% kematian unggas dalam sehari.

Monyok, murung dan tinja berwarna putih (berak kapur) dan kehijauan.

Bagi ayam Pembiak dan Penelur, di samping tanda diatas, tanda lain seperti berikut:

- Kualiti telur terjejas seperti saiz yang tidak seragam, bentuk yang tidak sekata, cengkerang yang nipis dan rapuh.
- Penurunan pengeluaran telur dalam ≥10% sehari.

**PELAKSANAAN
PROJEK & PROGRAM
JPVS | DVSS**

PEOJEK PAWAH RUMINAN KECIL – JAMES IVERN, KAMPUNG SIBULUH, BAU 2022



PEMANTAUAN PROJEK DI LIMBANG 2022



PEMANTAUAN PROJEK DI SRI AMAN 2022



**OPERASI BERSEPADU ANTARA LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU DAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR DI DAERAH BINTULU DAN SEBAUH
(KAWALAN RABIES)**




**OPERASI PENGUATKUASAAN, SURVELAN DAN KESEDARAN PENYAKIT
AFRICAN SWINE FEVER (ASF) DAN FOOT AND MOUTH DISEASE (FMD) DI
DAERAH MIRI, MARUDI DAN LIMBANG**



PROGRAM VAKSINASI ANTI RABIES BESAR-BESARAN BAHAGIAN LIMBANG 2022

Program vaksinasi anti Rabies secara besar-besaran telah diadakan di dua premis atau tempat iaitu Dewan Bola Keranjang, Batu Biah dan Tamu Majlis Daerah Limbang, Medamit pada bulan Mac 2022.



AKTIVITI SURVELAN PENYAKIT KEBANGSAAN BAHAGIAN LIMBANG 2022

Pengambilan sampel darah kerbau untuk tujuan surveilan penyakit Hawar Berdarah atau Hemorrhagic Septicaemia (HS) bagi Survelan Penyakit Kebangsaan 2022.





Pengambilan sampel dari calitan kloaka untuk tujuan survelan penyakit Avian Influenza (AI), Newcastle's Disease (ND) dan Avian Salmonellosis bagi Survelan Penyakit Kebangsaan 2022



PROGRAM KESIHATAN GEROMPOK BAHAGIAN LIMBANG 2022

Pengambilan sampel darah, suntikan vaksin dan pemberian ubat cacing kepada ternakan kambing dilaksanakan secara berkala dalam Bahagian Limbang dan mengikut jadual yang telah ditetapkan.



PROJEK SMALL RUMINANT PAWAH PROGRAM (SRPP)



Jabatan menggalakkan pengusaha ladang supaya mengamalkan Amalan Perladangan Haiwan Baik (*GAHP*) dan menitikberatkan kebajikan haiwan. Status pemeriksaan ini digunakan sebagai sokongan pengurusan pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar bagi haiwan atau produk haiwan. Penyelarasan dan penyeragaman penyampaian perkhidmatan pemeriksaan Veterinar di ladang ternakan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) dan meningkatkan keyakinan pelanggan dan pengguna.

PERSAMPELAN DAN PROGRAM KAWALAN PENYAKIT UNTUK TERNAKAN AYAM PENELUR BAHAGIAN MIRI



Persampelan dan kawalan penyakit untuk ternakan ayam penelur penting untuk memastikan telur keluaran lading tersebut bebas daripada dijangkiti penyakit *Salmonellosis*.

OPERASI PENGUATKUASAAN, SURVELAN DAN KESEDARAN



OPERASI PENGUATKUASAAN DI PELABUHAN




PROGRAM VAKSINASI RABIES BAHAGIAN SIBU




FARM BIOSECURITY & QUALITY ASSURANCE PROGRAM (QAP)





PENGUSAHA & PENTERNAK JAYA

BAHAGIAN SAMARAHAN



HUSUNI BISUNI (57)
KATEGORI ITIK PENELUR
PENDAPATAN: RM4,000 SEBULAN



MOHD ISNIZAR MARSAT (36)
KATEGORI AYAM ORGANIK
PENDAPATAN: RM3,500 SEBULAN



FATIMAH BUJANG (58)
KATEGORI ITIK PEDAGING
PENDAPATAN: RM2,500 SEBULAN

BAHAGIAN SARIKEI



LEE BING SING (57)
KATEGORI AYAM KACUKAN
PENDAPATAN: RM9,000 SEBULAN



SIA HUA HONG (62)
KATEGORI ARNAB PEDAGING
PENDAPATAN: RM8,000 SEBULAN



TANG KIE LIK (64)
KATEGORI KAMBING
PENDAPATAN: RM7,000 SEBULAN

BAHAGIAN SIBU



RICHARD WONG (42)
KATEGORI AYAM KAMPUNG
PENDAPATAN: RM10,000 SEBULAN



AMPA TABAU (63)
KATEGORI BABI KACUKAN
PENDAPATAN: RM4,000 SEBULAN



JOHN MALINTANG (61)
KATEGORI BABI KACUKAN
PENDAPATAN: RM4,000 SEBULAN

BAHAGIAN MUKAH




TA ANN PLANTATION (70)
KATEGORI LEMBU PEDAGING
PENDAPATAN: RM5,000 SEBULAN

BAHAGIAN BINTULU



LEE SONG CHENG (48)
KATEGORI ARNAB
PENDAPATAN: RM4,000 SEBULAN

BAHAGIAN MIRI



MURPHY YONG (36)
KATEGORI LEMBU PEDAGING
PENDAPATAN: RM5,000 SEBULAN



MOHD KHAIRUL ANUAR (46)
KATEGORI AYAM PENELUR
PENDAPATAN: RM3,000 SEBULAN



IKHWAN SALLIH (27)
KATEGORI KAMBING PEDAGING
PENDAPATAN: RM5,000 SEBULAN

BAHAGIAN MIRI

JIMMY NGIENG
(57)

KATEGORI
KAMBING TENUSU
PENDAPATAN:
RM5,000 SEBULAN



DAVID TEO (41)
KATEGORI AYAM
PENELUR
PENDAPATAN:
RM3,000 SEBULAN

WONG DEE YUNG
(56)
KATEGORI AYAM
KAMPUNG
PENDAPATAN:
RM3,500 SEBULAN



BAHAGIAN LIMBANG



CATHERINE LABO (52)
KATEGORI BABI
KACUKAN
PENDAPATAN:
RM4,000
SEBULAN

MARATIS TAI (51)
KATEGORI
KERBAU
PEDAGING
PENDAPATAN:
RM8,500
SEBULAN



LOLLYTA TUBO (41)
KATEGORI ITIK
PENELUR
PENDAPATAN:
RM29,000
SEBULAN

PRODUK – PRODUK TEMPATAN SARAWAK


ECO FARM FRESH MILK



PPES TERNAK – SARA-BIF



MUCOW GOAT FRESH MILK & SOAP



PRODUK – PRODUK TEMPATAN SARAWAK

GOLDEN CHICKS TABLE EGGS



WING SHEN FOOD INDUSTRIES SDN BHD (EDIBLE BIRD NEST)



MY HAPPY SELENIUM EGG LIAN HUA SENG LIVESTOCK SDN BHD



BORNEO PORK – PRECIOUS FOOD PRODUCTS SDN BHD



KERATAN AKHBAR JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK

2022

DVS Sarawak to run six more anti-rabies programmes for remainder of 2022

BY HARRY IZZDIN ON APRIL 2, 2022, SATURDAY AT 5:33 PM SARAWAK

Read Play Free

New book
month
now!

DOWNLOAD



Lo hugs a dog named 'Milo the Doggo' during the programme, as Dr Adrian (left) and others look on. — Photo by Harry Izzdin

KUCHING (April 2): The Department of Veterinary Services (DVS) Sarawak will be running six more anti-rabies programmes throughout the remainder of this year, as a way to provide the public with easy access for vaccination, dog-licensing, and also micro-chipping.

Rabies: DVS Sarawak plans to vaccinate 50,000 dogs this year, says director

BY PETER BOON ON JANUARY 2, 2022, SUNDAY AT 11:14 AM SARAWAK



Nissan Malaysia

New Nissan Serena 2.0L

Book Now



Dr Adrian Susin Ambud

SIBU (Jan 2): The Department of Veterinary Services (DVS) Sarawak plans to vaccinate 50,000 dogs across Sarawak this year in the fight against rabies, said its director Dr Adrian Susin Ambud.

Dr Adrian: Kuching, Samarahan divisions still free of ASF

BY PETER BOON ON APRIL 8, 2022, FRIDAY AT 4:25 PM SARAWAK



DVS officers taking samples from pigs at a farm in Sungai Rait on Feb 25, 2022.

SIBU (April 8): Kuching and Samarahan Divisions are the only divisions in Sarawak that are still free of the African Swine Fever (ASF) outbreak as of today, said Dr Adrian Susin Ambud.

KERATAN AKHBAR JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK

2022

BERNAMA.com

GE15 NEWS ahid, Wan Azizah, Loke win while Saif

PILIHAN RAYA UMUM ke-15

GENERAL

Rabies: Sarawak State Assembly passes bill to delegate power of DVS



23/11/2022 01:41 PM

KUCHING, Nov 23 (Bernama) – The Sarawak State Legislative Assembly today passed the Veterinary Public Health (Amendment) Bill, 2022 to delegate the power of the Department of Veterinary Services (DVS) Sarawak in the fight against the spread of rabies.

dayak daily

Sarawak govt vets number less than half of Sabah counterparts – only 290 compared to more than 750 in DVS Sabah

Nov 23, 2022 @ 16:35



Dr Rundi delivering his winding-up speech for the Veterinary Public Health (Amendment) Bill 2022 at DUN Sitting on Nov 23, 2022.

SARAWAK TRIBUNE



November 23, 2022

25 Views

Tackling rabies more effectively – Veterinary Public Health (Amendment) Bill 2022 passed

astro AWANI | **BERNAMA** **LIVE**

Rabies: Sarawak State Assembly passes bill to delegate power of DVS

Bernama
November 23, 2022 14:29 MYT



Dr Stephen Rundi Utom said apart from delegating functions and duties to any public officer, the bill seeks to allow the authorisation of other persons by DVS to dispense veterinary drugs. - BERNAMA/Filepic

KUCHING: The Sarawak State Legislative Assembly today passed the Veterinary Public Health (Amendment) Bill, 2022 to delegate the power of the Department of Veterinary Services (DVS) Sarawak in the fight against the spread of rabies.

KERATAN AKHBAR JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK

2022

Rabies: IBET to survey dog population along Sarawak-Kalimantan border

BY MADILYN TENZIM SEPTEMBER 27, 2022, TUESDAY AT 4:19 PM
SARAWAK

Sony Malaysia
Extended Warranty and More

Open



Dr Adrian (left) presents Dr Rundi with a token of appreciation as Edwin looks on. – Photo by Roystein Emmor

KUCHING (Sept 27): The deployment of the Immune Belt Enforcement Team (IBET) to areas along the Sarawak-Kalimantan border would enable the state to obtain a figure on the dog population there for rabies vaccination purposes among others, said Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom.

Department microchips 1,302 licensed dogs in Sarawak

BY PETER BOON-BOONIBI 14:32, THURSDAY AT 3:42 PM
SARAWAK



A DVS staff member administers a rabies vaccine shot during a programme in Sibu. — File photo

SIBU (June 16): A total of 1,302 licensed dogs have been microchipped across the state, said the Department of Veterinary Services Sarawak (DVSS).

Deliver beyond job expectations, Dr Rundi tells ministry staff

BY YUNUS YUSSOP ON OCTOBER 13, 2022, THURSDAY AT 3:42 PM
SARAWAK

Mounted Grader's Length, Weight, Width & Height Are All Customizable To Fit Your Needs.

OPEN



The award recipients posing for a group photo with Dr Rundi (centre, back row) and other guests.

BINTULU (Oct 13): Minister of Food Industries, Commodities and Regional Development Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom has challenged the teams under his ministry to deliver beyond their job expectations.

KERATAN AKHBAR JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK

2022

星洲   
sinchew.com.my

finds Russian sponsor of terrorism website

UP TO DATE HEADL

place » Sarawak » Middle sand
3:31pm 17/08/2022 Character - +

Farmer: From February 5th to June 30th. The government allocates 730 million to subsidize eggs and chicken

👁 152 views

(Sarikei, 17th) Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Seri Ronald Jiandi pointed out that from February 5 to June 30 this year, the government has approved a budget of 730 million ringgit for eggs and chicken subsidy.

TSN24N | [Ketahui Subsidian Kijang Berpadan - 'Jedilah Yustis'](#) | 23/11/2022 05:26 PM - FORM laksmasari: SUR di kowasi: strategi

tvS  



Perwakilan DUN Sarawak | [Rang Undang-Undang beri kuasa JPVS tangani rabies diluluskan](#)

 [Berita Sarawak](#) | [Rini Berita Sarawak](#) | [Pusat Berita Sarawak](#) | [Laporan Sarawak](#)

SARAWAK TRIBUNE



May 25, 2022
5 117 Views

Poultry farmers claim RM6.2million in subsidies

by News Desk

 **Sibu Hospital seeks hit-and-run victim's next of kin**

 **Council appreciates Uggah's help on traffic jam woes**

A total of 156 applications for chicken and egg production subsidies have been processed in Sarawak to date for a total claim of RM6.2 million, said Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom.

The Agriculture Modernisation and Regional Development Minister said the federal government has extended the subsidy from February to June 2022.



SIDANG EDITORIAL

Buletin Kenyalang Vet
Edisi 2022



DR. ADRIAN SUSIN AMBUD
PENASIHAT



MATHEW JENANG
KETUA EDITOR



DR. NUR ATHIRAH MOHD JAZMAN
PENOLONG EDITOR 1



DAUD IMBANG
PENOLONG EDITOR 2



ROVITS REGEN
JURUGAMBAR 1



FATIN LIYANA
JURUGAMBAR 2



SEKALUNG BUDI

Akhir kata, kami sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan dan khidmat bakti yang tuan - tuan dan puan - puan berikan. Pihak kami mendoakan semoga tuan - tuan dan puan - puan sentiasa diberkati dengan kesihatan yang baik, dimurahkan rezeki dan sentiasa bahagia bersama sahabat handai serta keluarga tercinta. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Industri Makanan, Komoditi Dan Pembangunan Wilayah khususnya dan kepada semua Warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak di atas kerjasama anda semua.

SEKIAN, TERIMA KASIH.



KENYALANG VET



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK
(*Department of Veterinary Services Sarawak*)
IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR,
LOT 877, JALAN SEMENGGOK, OFF BATU 12 JALAN
KUCHING-SERIAN, 93250 KUCHING, SARAWAK

Tel: 082-628248 | Faks: 082-628227 | Email: dvs@sarawak.gov.my
Website: dvs.sarawak.gov.my | FB: www.facebook.com/DVSSarawak

